

26 APR 2002

MAHATHIR-SAHAM

DANA SAHAM AMANAH KINI LEBIH 110 BILLION UNIT, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 26 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata saiz dana yang diluluskan dalam industri saham amanah di negara ini berkembang daripada 55.5 bilion unit pada akhir 1997 kepada 110 bilion unit akhir tahun lalu.

Perdana Menteri berkata ini menjadikan nilai aset bersih industri saham amanah pada 31 Disember tahun lalu bernilai RM47.3 bilion.

"Ia juga bersamaan 10.2 peratus daripada permodalan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL)," katanya ketika menutup Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2002 di Dewan MSAM di perkarangan Stadium Darul Aman, di sini.

Beliau berkata nilai yang dilaburkan dalam saham amanah di Malaysia menunjukkan peningkatan yang menggalakkan.

"Kita patut bersyukur kerana negara kita dapat menghasilkan organisasi yang unik seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) seiring dengan persekitaran ekonomi dan politik yang stabil," katanya.

Sehingga kini, PNB mengurus lebih 39 bilion unit saham-saham kumpulannya daripada lebih lapan juta akaun milik rakyat tempatan, katanya.

Dr Mahathir berkata PNB telah memperlihatkan kemampuannya untuk memberi pulangan yang baik dan ini terbukti dengan pulangan yang diberikan kepada pemegang-pemegang unit saham-saham amanah yang diuruskannya adalah melebihi RM35 bilion.

Masyarakat Bumiputera yang suatu ketika dahulu hidup daif dan miskin kini mampu hidup lebih selesa dengan adanya usaha-usaha kerajaan untuk melibatkan Bumiputera secara aktif dalam aktiviti ekonomi negara secara tidak langsung melalui pemilikan saham, katanya.

Melalui saham amanah, golongan rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah berpeluang untuk turut serta.

"Sudah pasti pelaburan mereka ini biarpun secara berdikit-dikit tetapi menyumbang kepada perkembangan pasaran saham amanah. Malah secara tidak langsung golongan ini juga adalah pemilik saham-saham syarikat yang diniagakan di BSKL," katanya.

Dr Mahathir berkata pendekatan yang diambil oleh kerajaan bukannya mudah dan bukannya dicapai dalam sekelip mata kerana ianya melalui satu proses perancangan dan usaha jangka panjang bersepadu dan menyeluruh sehinggakan hasilnya cukup membanggakan.

Menerusi PNB, kerajaan berjaya mengeluarkan saham-saham amanah berharga tetap dan berharga berubah-ubah untuk memenuhi keperluan rakyat di negara ini.

"Sesungguhnya, PNB adalah satu ciptaan unik. Malah ramai kepimpinan negara asing datang untuk mempelajari cara bagaimana PNB mengurus dan mentadbir kewangan dan pelaburan daripada tabungan yang digemblengkan daripada rakyat," katanya.

Beliau juga berkata penubuhan PNB turut menyumbang kepada pengujudan jumlah Bumiputera yang berkebolehan dalam bidang pengurusan dan perniagaan setelah PNB mengambilalih syarikat-syarikat gergasi asing seperti Guthrie, Golden Hope, MMC (Malaysian Mining Corporation) dan Sime Darby.

Bagi pelabur pula, Perdana Menteri berkata sikap hanya sanggup menerima untung tetapi menganggap kerugian sebagai perkara yang tidak boleh berlaku dan tidak boleh diterima adalah tidak realistik.

"Yang biasa tidak boleh rugi hanyalah memakan bunga (faedah) dari pemberian hutang dan dianggap haram bagi orang Islam. Keuntungan yang tetap adalah sama dengan bunga dan dianggap haram bagi orang Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata menyimpan wang tanpa dilabur pula tetap akan merugikan kerana inflasi yang berlaku sepanjang masa akan menyusutkan nilai wang yang disimpan.

Beliau berkata bagi sesiapa yang menjaminkan pulangan 100 peratus atau lebih, tujuan mereka ialah untuk menipu.

"Adalah lebih sihat melabur dalam saham amanah yang memberi pulangan yang berpatutan dengan risiko yang tidak terlalu tinggi daripada melabur dalam skim-skim cepat kaya yang tetap akan merugikan. Biarlah lambat kaya asalkan selamat," katanya.

Beliau berharap MSAM dapat diadakan setiap tahun dan tidak tertumpu di bandar-bandar sahaja.

Dr Mahathir menutup MSAM dengan mengemping padi sebanyak tiga kali.

Minggu saham amanah itu berlangsung selama seminggu sejak 20 April dengan tema "Saham Amanah-Pilihan Pelabur Bijak". Ia diadakan bertujuan untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan perancangan kewangan.

-- BERNAMA

JM NHD